



بُولَتِين اِبْلِيسْتِينِيُو كَامِيْتَر اِسْلَامِيْسِيَا لِسَرَاوَاكْ

Buletin

BIL 2 / 2020

IKMAS JAKIM

مي-اوگوس، رمضان-ذوالحجة ١٤٤١ هجرة



**IKMAS MENUJU KE ARAH PELAKSANAAN
EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM
(EKSA)**

**KURSUS KEPIMPINAN
DAKWAH**

**PROGRAM IBADAH KORBAN
IKMAS 2020**

**PENDAFTARAN & MINGGU
ALUAN PELAJAR (MALPI)
SESI 2020/2023**



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Dr Muhammad Yamin bin Ismail

KETUA EDITOR

Karia bin Haji Rahmat

SIDANG REDAKSI

Kartini binti Haji Ahmad

Ainuddin bin Haji Dolhaki

Abang Zainal Abidin bin Abang Ariffin

Dr Roziah binti Haji Chek

Mohd Chathazman bin Abdullah

Muhammad Fadhli bin Ahmat

PENYELARAS

Shuhaib bin Supani

Nurul Sabariah binti Saini

Muhammad Faizul bin Kanafani

JURUFOTO

Irwandy bin Sarkawi

Mohd Safwan bin Ismail

PENGHARGAAN ISTIMEWA

Pejabat Pengarah

Pejabat Pendaftar

Jabatan Akademik

Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Jabatan Jaminan Kualiti

Jabatan Kemahiran dan Latihan Date

Jabatan Pembangunan Insan

Jabatan Penerbitan

SEBARANG KOMEN ATAU CADANGAN

PENAMBAHBAIKAN SILA HUBUNGI :

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Peti Surat 2867, Jalan Matang, Telaga Air

93050 Kuching

SARAWAK

(u/p : Jabatan Penerbitan)

Tel : 082-843477, 475

Faks : 082-843440, 439

Emel : penerbitanikmas@gmail.com

Santapan Rehani

Daripada 'Abdullah bin 'Umar RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : "Seorang Muslim adalah saudara terhadap Muslim (yang lain), dia tidak boleh menganiaya dan tidak akan dianiaya oleh orang lain. Sesiapa yang melaksanakan hajat saudaranya, maka Allah SWT akan melaksanakan hajatnya. Sesiapa yang melapangkan kesudahan seseorang Muslim, maka Allah SWT akan melapangkan kesukarannya pada hari kiamat. Sesiapa yang menutupi aib seseorang Muslim, maka Allah SWT akan menutup aibnya pada hari kiamat." (Hadith riwayat al-Bukhari, No.2442, 6901, Muslim, No.2580)

ISI KANDUNGAN

| | |
|--|-------|
| Isi Kandungan | 2 |
| Sidang Redaksi | 2 |
| Kalam Ketua Editor | 2 |
| Tokoh Permata Alumni IKMAS | 3 |
| Taklimat EKSA Daripada MAMPU | 4 |
| Kursus Sijil Eksekutif Pengajaran Dan Pembelajaran IKMAS dengan kerjasama UNIMAS | 4 |
| Taklimat Tatacara & Pelaksanaan Nyah Kuman Oleh Bomba & Penyelamat | 5 |
| Kembara IKMAS | 6 |
| Program Ibadah Korban IKMAS 2020 | 7 |
| Kursus Halal Dan Sembelihan IKMAS | 7 |
| Taklimat Hari Pendaftaran dan Minggu Aluan Pelajar (MALPI) DTQ ... | 8 |
| Pendaftaran Pelajar Baharu Diploma Dakwah Islamiah Secara Online | 8 |
| Kursus Metodologi Dakwah | 9 |
| Majlis Perhimpunan Bulanan IKMAS dan Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan IKMAS 2020 | 9 |
| Kursus Kepimpinan Dakwah | 10 |
| Kursus Pengurusan Stress | 10 |
| Lensa | 11 |
| Artikel Staf | 13-14 |
| Sekalung Tahniah | 15 |
| Jom Masuk IKMAS @ Syarat Kemasukan ke IKMAS | 16 |

Kalam Ketua Editor

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, dengan izin Allah S.W.T, Buletin IKMAS kali ini dapat diterbitkan. Jutaan terima kasih kepada Pengarah IKMAS selaku penasihat buletin yang sentiasa dinamik memberi idea bagi melestarikan penerbitan buletin ini. Sekalung penghargaan juga dirakamkan kepada Sidang Redaksi, pegawai penyelaras buletin, jurugambar serta penyumbang artikel kerana memberikan sepenuh komitmen dalam memberikan info serta gambar untuk dimuatkan dalam buletin ini.



Pujangga pernah berkata, "Kalau kita sihat kita ada harapan, kalau kita ada harapan, nescaya kita ada segala-galanya". Justeru dalam suasana PKPP ini kita harus berusaha menjaga diri, keluarga, komuniti dan negara agar sentiasa selamat, sihat dan bebas dari wabak COVID-19. Walaupun dalam suasana membiasakan norma baharu (*new norm*) ini, IKMAS tetap iltizam dan istiqamah dalam meneruskan pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.

Dengan pembudayaan norma baharu dan pelaksanaan *Standard of Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan, beberapa program telah berjaya dilaksanakan. Antaranya ialah IKMAS ke arah EKSA, pendaftaran pelajar baharu DTQ dan MALPI yang memfokuskan pengambilan pelajar baharu yang dijalankan secara bersemuka dan atas talian, Program Ibadah Korban IKMAS Tahun 2020, kursus-kursus dakwah dan banyak lagi.

Moga-moga IKMAS terus bergiat aktif dalam menyebarkan ilmu dalam bidang Islam. Akhir kata, jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penghasilan dan penerbitan buletin ini.

Sekian, salam hormat dan semoga terus maju jaya.

KENALI TOKOH PERMATA ALUMNI IKMAS

Yang Arif Tuan Imran Bin Taha (Hakim Syarie)

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TINGGI



- Diploma Administration Islamic Judiciary (DAIJ), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuala Lumpur
- Ijazah Sarjana Muda Syariah Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta Indonesia
- Diploma Pengajian Islam dan Dakwah, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)
- Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab (SHOAW), Kuching
- Sekolah Rendah Kebangsaan Meranek, Kota Samarahan

KERJAYA



- 2015 – Kini - Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah, Sri Aman.
- Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah Bahagian Betong (2010 – 2015)
- Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) di SMK Batu Kawa
- Guru Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA)

PENGLIBATAN KEMASYARAKATAN DAN PENCAPAIAN



- Timbalan Pengerusi, Masjid Kampung Meranek
- Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2013
- Fasilitator Biro Tata Negara (BTN)
- Ahli Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
- Pengerusi Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Mahkamah

HARAPAN DAN IMPIAN BUAT IKMAS

IKMAS merupakan satu-satunya institusi Islam yang wujud di Sarawak yang berfungsi untuk membangunkan umat Islam di Sarawak khususnya. Institusi ini hendaklah membekalkan maklumat serta menyediakan hala tuju yang khusus kepada para graduan IKMAS sebagai panduan untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi atau menyediakan platform penyaluran maklumat yang khusus bagi membuka peluang kepada pelajar yang ingin menceburi bidang kerjaya. Justeru pendedahan kepada para pelajar dalam kepelbagaian bidang hendaklah dibuat secara meluas kerana graduan IKMAS merupakan graduan yang berpotensi kebolehpasaran mereka.

Selain itu, IKMAS perlu lebih bergiat aktif dalam menjalankan MOU dengan pelbagai institusi dalam mengekalkan keutuhan dan mewujudkan kepelbagaian program-program pengajian di peringkat diploma supaya boleh menarik minat para pelajar untuk belajar di IKMAS kerana IKMAS berpotensi untuk lebih ke hadapan sebagai salah sebuah pusat penyelidikan yang melahirkan pakar-pakar dalam bidang masing-masing.

Bagi persatuan Alumni IKMAS pula, diharap dapat menjalankan aktiviti-aktiviti yang sesuai pada masa yang sesuai untuk mengeratkan silaturrahim sesama alumni seterusnya menjadi lambang pengenalan IKMAS.

Seterusnya dalam melahirkan pendakwah daripada IKMAS, tarbiah Islamiyyah itu penting kerana tarbiah membentuk jiwa. Justeru apabila terpacat di hati seseorang pelajar tersebut roh pendakwah maka mereka telah bersedia bergerak sendiri untuk menyebarkan agama Islam tanpa perlu dikerah untuk melakukannya.



Latar belakang:

Beliau adalah anak jati kelahiran Kampung Meranek, Kota Samarahan, Sarawak. Beliau merupakan graduan IKMAS pada tahun 2002/2005. Telah mendirikan rumah tangga dan mempunyai 3 orang cahaya mata yang terdiri daripada dua (2) orang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Menyandang jawatan sebagai Hakim Syarie sejak tahun 2010 sehingga kini dan digelar sebagai TUAN IMRAN BIN TAHA.



Sesi temuramah yang dijalankan bersama Tuan Imran bin Taha bertempat di Ruang Legar Jakim Sarawak

TAKLIMAT

EKSA DARIPADA MAMPU




Jumaat, 10 Julai 2020 - Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) telah mengorak langkah ke arah memperkenalkan amalan EKSA dalam rangka mengukuhkan budaya kerja yang selamat, bersih, berdisiplin, kreatif dan Islamik dengan melaksanakan amalan ekosistem yang kondusif dalam kalangan warga kerja IKMAS.

Program Ekosistem Kondusif Sektor Awam “EKSA” dimulakan dengan taklimat pengenalan yang disampaikan oleh Puan Norhaizum binti Sahril, Ketua Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Taklimat turut dihadiri YBhg. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah IKMAS dan semua pegawai serta kakitangan IKMAS.



KURSUS SIJIL EKSEKUTIF PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (ECTL) IKMAS DENGAN KERJASAMA UNIMAS



12 Jun 2020 - IKMAS dengan kerjasama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menganjurkan Kursus Sijil Eksekutif Pengajaran dan Pembelajaran yang bermula pada 12 Jun.

Antara objektif kursus ialah menyediakan dan mempersiapkan staf akademik IKMAS yang berwibawa dalam aspek pembelajaran dan pengajaran sesuai dengan keperluan pendidikan tinggi di Malaysia bagi memenuhi keperluan akreditasi Malaysian Qualification Agency (MQA).

Kursus ini juga memberikan pendedahan pengendalian proses pengajaran dan pembelajaran dalam meningkatkan motivasi kepada semua staf akademik sekaligus mempersiapkan para pensyarah dalam menangani cabaran ‘new norm’ ataupun norma baharu dalam proses pendidikan Malaysia khususnya di Sarawak.

Di samping itu, kursus ini juga bertujuan mempertingkatkan kemahiran ilmu pengajaran dan pembelajaran yang menjadi nilai tambah yang baik kepada staf akademik IKMAS dan secara tidak langsung menyumbang kepada pengukuhan pengajaran dan pembelajaran pada masa hadapan. IKMAS komited untuk melahirkan graduan yang lebih cemerlang pada masa hadapan dengan mempersiapkan segala aspek kualiti dalaman dan luaran proses pembelajaran serta akademik IKMAS selari dengan kehendak MQA bagi mencapai matlamat serta inspirasi IKMAS.

TAKLIMAT TATACARA DAN PELAKSANAAN NYAH KUMAN OLEH JABATAN BOMBA & PENYELAMAT



10 Julai 2020 - Taklimat tatacara nyah kuman telah berlangsung di Auditorium al-Wadi IKMAS Kampus 2 yang disampaikan oleh Tuan Azaharul bin Sahari, Ketua Balai Bomba Petra Jaya.

Taklimat tersebut telah dihadiri oleh Timbalan Pengarah IKMAS, Ustazah Kartini binti Haji Ahmad. Turut hadir Ketua Balai Bomba Petra Jaya bersama empat (4) anggota, 50 orang kakitangan IKMAS dan pekerja syarikat pembersihan dan penyelenggaraan bangunan IKMAS.

Objektif taklimat ini diadakan adalah untuk memberi maklumat tatacara penyediaan bahan dan SOP kerja-kerja sanitasi sendiri kepada kakitangan dan seluruh kakitangan IKMAS. Bagi memastikan pengoperasian IKMAS mengikut Garis Panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa, Jabatan Bomba dan Penyelamat Sarawak telah membantu pihak IKMAS bagi melaksanakan kerja nyah kuman di seluruh kawasan IKMAS Kampus 1 dan Kampus 2.

Kerja nyah kuman ini telah melibatkan empat (4) buah Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) yang berhampiran iaitu BBP Petrajaya, BBP Batu Lintang, BBP Tabuan Jaya dan BBP Padungan. Seramai 30 orang pegawai dan anggota telah terlibat dalam kerja yang memakan masa hampir 2 jam 30 minit meliputi keseluruhan kawasan IKMAS.

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat atas kerjasama yang telah diberikan.



Kempen Kesedaran COVID-19 IKMAS

13 Julai 2020 - Bagi memastikan kita terus menang melawan wabak pandemik COVID-19 ini, kempen kesedaran COVID-19 telah dilancarkan di IKMAS.


Kempen ini bertujuan bagi memupuk kesedaran dalam kalangan warga IKMAS akan pentingnya mengamalkan 3W dan elak 3C dalam kalangan warga kerja.

Amalkan 3W iaitu *Wash* (cuci), *Wear* (pakai) dan *Warn* (beri amaran). Elakkan 3C iaitu *Crowded Places* (tempat yang sesak), *Confined Spaces* (tempat yang tertutup) dan *Close Conversation* (bercakap jarak dekat).



KEMBARA IKMAS DI MOUNT MATANG

04 Julai 2020 - Kembara IKMAS diteruskan lagi berlokasikan tempat pilihan di Mount Matang.



KEMBARA IKMAS DI BAN BUAN KUKUOT WATERFALL, KG SADIR, PADAWAN

11 Julai 2020 - Kembara IKMAS pada kali ini bertempat di Ban Buan Kukuot Waterfall Kg Sadir, Padawan yang terletak di pedalaman Kg Sadir, 7 kilometer dari Rumah Panjang Annah Rais dan 50 kilometer dari Bandar Kuching.

Peserta dipandu oleh jurupandu yang menunjukkan liku jalan ekspedisi di kawasan hutan berbukit, jambatan buluh dan titian sungai yang memakan masa sejauh dua jam perjalanan. Perjalanan ini dianggap berbaloi kerana pengakhiran kembara disudahi di kawasan air terjun yang sangat cantik, deras dan jernih. Semoga kembara ini menjadi wadah dalam mengeratkan silaturahmi antara warga IKMAS dengan masyarakat.



KEMBARA IKMAS DI GUNUNG SERAPI, MATANG

16 Ogos 2020 - Kembara IKMAS seterusnya bertempat di Gunung Serapi, Matang yang merupakan gunung yang terletak dalam Taman Nasional Kubah yang berhampiran dengan bandar Kuching. Ianya juga merupakan gunung yang paling hampir dengan lokasi IKMAS. Ketinggian 911 meter atau 2600 kaki, perjalanan melalui laluan trek mengambil masa hampir 2 jam untuk sampai ke puncak.

Walaupun perjalanan ke puncak agak mudah kerana tidak melalui denai dan hutan, namun laluannya agak curam dan licin yang memerlukan kekuatan daya ketahanan kaki pendaki. Bagi pencinta ekspedisi daki gunung, suasana flora dan fauna di Gunung Serapi ini sangat mengujakan mengiringi perjalanan pendaki sehingga sampai ke puncak.



PROGRAM IBADAH KORBAN IKMAS 2020

03 Ogos 2020 – Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) telah melaksanakan ibadah korban dalam suasana norma baharu dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Program ibadah korban pada tahun ini dilaksanakan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Sembelihan dua ekor lembu sebagai haiwan korban telah dilaksanakan di Surau Darul Abrar, Kampung Tupong, Petrajaya Kuching yang merupakan surau yang telah ditetapkan oleh JAIS.

Manakala, aktiviti melapah daging korban dan agihan telah diadakan secara gotong-royong bertempat di perkarangan IKMAS Kampus 1 yang dihadiri seluruh warga IKMAS.

Acara agihan daging korban telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah IKMAS, Ustazah Kartini binti Haji Ahmad kepada semua warga IKMAS.



KURSUS HALAL DAN SEMBELIHAN IKMAS

03 & 04 Ogos 2020 - Jabatan Pembangunan Insan (JPI), IKMAS dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) telah mengadakan Kursus Halal dan Sembelihan bertempat di Auditorium al-Wadi, IKMAS Kampus 2. Program ini disertai oleh warga IKMAS dan pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI), Semester 5 yang turut serta mendengar ceramah secara atas talian melalui aplikasi *Google Meet*.

Kursus wajib bagi pelajar semester 5, DDI ini bertujuan memberikan pendedahan berkenaan kaedah sembelihan mengikut syarak serta memberi kesedaran berkenaan dengan produk dalam kategori halal dan haram.

Antara ceramah yang disampaikan adalah bertajuk "Asas Penyembelihan Binatang Dalam Islam" yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Taquddin bin Arosdie, Pensyarah IKMAS dan "Pengertian Halal Haram Dalam Islam" oleh Ustaz Awang Salmi bin Awang Sabudin, penceramah daripada JAIS.





TAKLIMAT HARI PENDAFTARAN DAN MINGGU ALUAN PELAJAR (MALPI) DTQ SESI 2020/2023

13 Julai 2020 - Menjelang kemasukan pelajar baharu Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (DTQ) sesi 2020/2023, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah mengadakan taklimat hari pendaftaran dan Minggu Aluan Pelajar (MALPI) bertempat di Mini Auditorium, IKMAS Kampus 1.

Pendaftaran pelajar DTQ telah diadakan di perkarangan asrama siswa dan siswi. Seusai pendaftaran, para pelajar telah mengikuti program Minggu Aluan Pelajar (MALPI) yang telah dibimbing oleh jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai-pegawai IKMAS.

Minggu aluan pelajar tersebut telah dirasmikan oleh Ustazah Kartini binti Haji Ahmad, Timbalan Pengarah IKMAS.





Pendaftaran Pelajar Baharu Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI) Sesi 2020/2023 Secara Atas Talian

05 Ogos 2020 - Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, IKMAS telah mengadakan pendaftaran pelajar baharu bagi Program Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI) Sesi 2020/2023 secara atas talian (*Online*).

Seramai 58 orang pelajar baharu telah mendaftar melalui aplikasi *whatapps* yang diselia oleh lima (5) orang urus setia Jawatankuasa Pengambilan Pelajar IKMAS.

Pendaftaran pelajar diteruskan dengan penyampaian taklimat daripada ketua-ketua jabatan di IKMAS dan diakhiri dengan taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Perpustakaan, Encik Abdul Zaaba bin Buserah.



KURSUS METODOLOGI DAKWAH



Ustaz Haji Sarbini bin Dahlan



Ustaz Hasfa Bakhry bin Hassan

23 Julai 2020 – Jabatan Pembangunan Insan (JPI), IKMAS telah mengadakan Kursus Metodologi Dakwah selama tiga (3) hari bertempat di Auditorium al-Wadi IKMAS Kampus 2.

Kursus tersebut telah disertai oleh 60 orang peserta daripada pelbagai agensi yang turut dihadiri oleh penceramah jemputan yang mempunyai kepakaran ilmu dalam bidang dakwah iaitu Ustaz Haji Sarbini bin Dahlan, Ustaz Hasfa Bakhry bin Hassan, dan Ustaz Dahlan bin Daut dalam mengupas metod-metod dakwah yang berkesan bagi mengaplikasikan ilmu tersebut ke dalam hidup bermasyarakat.

Antara intipati objektif kursus ini adalah untuk memberi kefahaman kepada para peserta mengenai teknik-teknik yang berkesan dalam penyampaian dakwah, serta mempertingkatkan pengetahuan peserta mengenai psikologi dakwah, dakwah bil Hal dan keupayaan berkomunikasi dalam melaksanakan dakwah. Objektif lain yang turut dicapai dalam kursus ini juga adalah untuk melahirkan pendakwah yang bermotivasi, cekal dan tabah.

Ucapan perasmian yang disampaikan oleh Ustaz Abdul Rahim bin Othman, wakil Timbalan Pengarah, IKMAS selaku perasmis kursus tersebut. IKMAS berharap agar para peserta kursus dapat memanfaatkan ilmu dakwah supaya dapat diterapkan dalam diri masing-masing seterusnya dapat disampaikan kepada masyarakat.

IKMAS mengharapkan agar para peserta kursus lebih bersemangat dalam menjalankan aktiviti dakwah sesuai dengan metod-metod dakwah yang telah diperolehi dalam kursus tersebut.



Ustaz Dahlan bin Daut



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN IKMAS DAN PELANGARAN SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN 2020 IKMAS

28 Ogos 2020 – YBrs. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail telah menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan IKMAS dan Sambutan Bulan Kemerdekaan 2020 IKMAS bertempat di Auditorium al-Wadi, IKMAS Kampus 2.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, Sarawak Tanah Airku, lagu IKMAS dan diikuti video doa kemerdekaan yang disampaikan oleh wakil pelajar, saudara Zahir Zakwan bin Zaharuddin. Majlis diserikan dengan nyanyian lagu kemerdekaan, lagu tema Malaysia Prihatin dan turut mengumumkan pemenang bagi pertandingan jawi dan poster kreatif sempena kemerdekaan. Majlis diakhiri dengan zikir asmaul-Husna.

Turut hadir adalah Ustazah Kartini binti Haji Ahmad, Timbalan Pengarah IKMAS, ketua-ketua jabatan, kakitangan dan para pensyarah IKMAS. Uniknyanya majlis ini kerana bukan sahaja diadakan secara bersemuka tetapi turut dihadiri oleh seramai 200 orang pelajar IKMAS melalui dalam talian *Google Meet*.

Walaupun pelajar masih belum dibenarkan ke kampus, tetapi mereka tetap bersama dalam setiap program yang dianjurkan oleh pihak IKMAS.



KURSUS KEPIMPINAN DAKWAH

17 - 19 Ogos 2020 - Kursus Kepimpinan Dakwah anjuran Jabatan Pembangunan Insan (JPI), Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) telah berlangsung di Auditorium al-Wadi, IKMAS Kampus 2. Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 22 orang peserta yang terdiri daripada penjawat awam dari pelbagai agensi seperti Polis Di-Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Jabatan Penjara Sarawak dan Yayasan Dakwah Islamiyyah (YADIM).

Kursus ini dianjurkan bertujuan untuk mendedahkan konsep asas kepimpinan dakwah sebagai seorang dai'e dalam mempertingkatkan kesedaran serta komitmen untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin dan memantapkan pengetahuan tentang pengurusan dakwah serta strategi dakwah.

Sepanjang kursus ini berlangsung, peserta memberikan komitmen dan kerjasama yang tinggi terhadap ilmu yang disampaikan oleh penceramah. Mereka turut berkongsi pandangan dan pendapat terhadap perkembangan dan cabaran dakwah pada masa kini.

Majlis penangguhan Kursus Kepimpinan Dakwah ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Ustazah Kartini binti Hj. Ahmad, Timbalan Pengarah IKMAS. Beliau mengucapkan ribuan terima kasih atas kehadiran dan keterlibatan peserta dalam kursus ini.



KURSUS PENGURUSAN STRESS

25 - 27 Ogos 2020 - Kursus Pengurusan Stress anjuran Jabatan Pembangunan Insan (JPI), disertai oleh seramai 42 orang peserta yang terdiri daripada penjawat awam dari pelbagai agensi seperti KEMAS, JAIS, Jabatan Penjara Sarawak, Guru KAFA dan YADIM.

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan terhadap pengurusan stress atau tekanan tindak balas fizikal, emosi dan mental seseorang terhadap sebarang perubahan dan tuntutan. Ianya bukan penyakit, namun, jika beban tekanan adalah tinggi dan berlaku dalam jangka masa yang panjang, ia boleh menjejaskan kesihatan.

Sepanjang kursus ini berlangsung, peserta memberikan komitmen dan kerjasama yang tinggi terhadap ilmu yang disampaikan oleh penceramah jemputan Tuan Imran bin Taha (Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sarawak), Ustaz Mohd Norhamizan bin Hamid (Pegawai Tadbir Unit Komunikasi Awam Sarawak) dan Cik Ainul Nadzifah Mohd Ali (Pensyarah Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak).

Turut diserikan lagi dengan ucapan penangguhan kursus oleh Timbalan Pengarah Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) dan penyampaian sijil kepada para peserta.

Semoga kursus ini dapat memberikan banyak ilmu pengetahuan dan manfaat kepada para peserta kursus untuk disebar dan diamalkan dalam kehidupan seharian.



Tuan Imran bin Taha



Cik Ainul Nadzifah Mohd Ali



Ustaz Mohd Norhamizan Hamid



Mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi Lan Taboor Sarawak Berhad



Taklimat Hari Pendaftaran & Minggu Aluan Pelajar DTQ Sesi 2020/2023



Taklimat PdP Semester Pertama Sesi 2020/2021



Bengkel Semakan Dokumen MQA 01 Sijil Pengajian Islam di IPDAS



Pemeriksaan dan Perbincangan Kerja-Kerja Pembaikan dan Naik Taraf IKMAS oleh JKR




Taklimat PdP Pensyarah Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (DTQ) IKMAS Tahun 2020/2023



Program Agihan Bubur Lambuk daripada JAKIM Sarawak



Majlis Bacaan Yasin dan Tahliil Pertama Warga IKMAS Semasa PKPP



Majlis Tadarus Khatam Al-Quran IKMAS Secara Atas Talian



Pelaksanaan Solat Jumaat di Surau At-Taqwa IKMAS Mengikut SOP yang ditetapkan oleh JAIS



Program “Kamek Sayang Kitak” Anjuran JAKIM Sarawak



Kebenaran Mengambil Barang Pelajar Semester 3 & 5, IKMAS



Bengkel Hala Tuju Strategik Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) JAKIM Bersama Pihak MAMPU (Secara Online)



Bengkel Penggubalan Soalan Sijil Profesionalisme Imam Sarawak (SPIMS)



Bengkel Penyediaan Dokumentasi MQA Sijil Pengajian Islam (SPI)



Mesyuarat Bersama Pegawai & Kakitangan IKMAS



Sembang Santai Bersama Ustaz Haslin Baharim



Bacaan Surah Al-Kahfi oleh Saudara Zahir Zakwan bin Zaharuddin

THE CONTEMPORARY RELEVANTISATION OF HADITH



Oleh :
Shuhaib bin Supani
Pensyarah IKMAS

Ta'wīl Mukhtalif al-Hadīth written by Ibn Qutaybah discusses the ill use of *ḥadīth*, *kalām* and the principles of *ḥadīth* criticism. This book deals with the exploitation of *ḥadīth* interpretations by the masses. Ibn Qutaybah refuted the method of *ta'wīl* which is allegorical interpretation used by the people of *kalām* and the people of *ḥadīth* because they at the same time expressed the interpretations in the light of their denominations (*madhāhib*). Indeed, the act of reinterpreting the *aḥādīth* of the Prophet by Ibn Qutaybah is an act of relevantization of the important teachings of the Prophet during his time. Ibn Qutaybah was correct in titling his book *Ta'wīl Mukhtalif al-Hadīth* to show that *ikhtilāf* in theological issues should be cautiously approached. There are some *aḥādīth* whose *matn* may seem to contradict the teaching of the Qur'ān or another *ḥadīth* or even 'aql. Ibn Qutaybah asserted that *ta'wīl* on any conflicting issues derived from the Prophetic traditions should be viewed from a proper perspective, so that it allows no conflict between those said issues and *Sharī'ah*.

Ibn Qutaybah goes to justify his viewpoint on *ḥadīth* of 'Ā'ishah: By my father! He never sleeps on the soft bed neither satisfies himself to the fullest with barley bread. By quoting this *ḥadīth*, Ibn Qutaybah establishes that there are two possible situation. Firstly, the Prophet gives preference to others over himself, to the point that he left nothing for himself to eat. This is one of his qualities. To verify his point, Ibn Qutaybah quotes the Qur'ānic verse: But give them preference over themselves, even though poverty was their own lot. Secondly, the Prophet never eats to his content the barley bread and the likes for he hated to eat something to his satisfaction. Indeed, many virtuous men and *mujtahidūn* hated to eat things to their satisfaction and the Prophet was the most dignified one among them as will as the most proper to be followed.

Indeed, it is still relevant and we can discover lot of findings on the issue of the preference to others over himself of the Prophet SAW. To begin with, the spirit of volunteerism in current days. Volunteerism is a great virtue grounded in the teachings of both revealed and non-revealed religions and in all cultures. Since time immemorial, people have exerted time and wealth to help others without expectation of recompense. Billion of hours are devoted to volunteer activities, and some world leaders have also called upon their subjects to volunteer their time and money to help others. For example, President John F. Kennedy is quoted to have said to the American people: "Ask not what your country can do for you; ask what you can do for your country."

Volunteerism is vital for Muslim community's growth and development. It is undeniable fact that Islam would not be where it is today without the tireless efforts of Muslim volunteers. Muslims in the early days of Islam worked together to achieve a successful community. They contributed in a tangible or intangible way to the spiritual and physical development of the Muslim community. Many of them sacrificed their lives to safeguard Islam and their fellow Muslims. They spent their wealth for the cause of Islam and the wellbeing of their fellow Muslims. The following are some of the ways of volunteering to help others like visiting the sick in the hospitals, helping people who are affected by natural disaster, helping Muslim organizations to meet their objectives, participation in programmes that benefit the Muslim community, cleaning a mosque, training the less privileged people to acquire skills, making donations in the form of money, clothes and books, spending time with orphans and aborigines, participation in the organization of public events and religious ceremonies, helping colleagues to understand the lessons taught in the class, blood donation to save life, being a member of the students' society, teaching the Qur'ān to others for free, helping in the preparation of *iftār jamā'ī*, counselling people with problem and participating in *gotong-royong*.

Ibn Qutaybah's work as extracted from *Ta'wīl Mukhtalif al-Hadīth* is useful and significant in making the teachings of the Prophetic *aḥādīth* relevant for all times. First, he applied the concept of relevantization to solve problems as shown in the experience of Mu'ādh ibn Jabal. Second, he performed *ijtihād* by resorting to *ta'wīl* and managed to solve problems at hand, and made the teachings of Islam and Prophetic *aḥādīth* relevant. It is left to us to look critically and creatively at the approaches which Ibn Qutaybah has adopted. Perhaps, Muslim of today can learn from his exercise and apply it when analyzing issues arising in contemporary society. They also can follow his methodology in undertaking this exercise for which reference can be made to the Qur'ān, *Aḥādīth*, linguistics, legal views and poetry in the manner of Ibn Qutaybah. These usage not only enable us to pave ways for young Muslim minds that are continuously searching for truth, but also to expose them to the correct methodology of approaching the *Sharī'ah*.

RUJUKAN

Che Amnah Bahari. 2009. *Ta'wīl Mukhtalif al-Hadīth: An Annotated Translation*. Kuala Lumpur: IIUM Press.

Abdul Kabir Hussain Solihu. 2012. *The Islamic Worldview, Ethics and Civilization: Issues in Contemporary Interdisciplinary Discourse*. Kuala Lumpur: IIUM Press.

Thameem Ushama, 2011. *Islamic Revealed Knowledge: Dimensions of Thought*. Kuala Lumpur: IIUM Press.

Oleh :
Noor Azlina binti Noor Din
Pensyarah IKMAS

الأكل الصحي



الطعام الصحي مفيد لحياة الإنسان. والهدف الأساسي من تناوله هو الحفاظ على حياة الإنسان وصحته. لذلك يجب على كل إنسان أن يسلط الضوء عليه ويعتني بما يقوم بتناوله، لأن جسمه سيتأثر بنوعية الطعام التي يأكلها. فهناك بعض الأطعمة التي تسبب الضرر لجسم الإنسان وتؤدي إلى حدوث كثير من مشاكل صحية. وعندما يختار الإنسان الطعام الصحي سيحصل على جسم سليم وتقليل من الإصابة بالأمراض الخطيرة. فالطعام الصحي يعني حياة أفضل وصحة جيدة وهو جسر الشفاء.

ويرى الحارث بن كلدة طبيب العرب المشهور قبل مئات السنين بأن "المعدة بيت الداء، والحمية رأس الدواء، وأعطي كل بدن ما عودته". فمن المفروض على الإنسان أن يولي اهتماما لنوعية الطعام التي يأكلها. وأشار آدم فيلمان في مقاله إلى أن "الطعام الصحي هو تناول أطعمة غنية بالمواد الغذائية بالكميات المناسبة من جميع المجموعات الغذائية، كما أن الطعام الصحي لا يجب أن يتم تناوله من أجل فقدان الوزن فقط، بل كنظام حياة". وهكذا نجد أن هذا الطعام الصحي من أهم الأشياء التي لا يستطيع إهمالها، بل يجب أن تكون عادة صحية مهمة وثابتة كل يوم.

في ماليزيا، هناك البرنامج تقوم به الحكومة من أجل إعلان تناول الطعام الصحي وتحديد شكل النظام الغذائي الصحي في البلد، وإنشاء أدوات يمكن للناس استخدامها لتحسين وجباتهم الغذائية. البرنامج يسمى بطبق الأكل الصحي. وأقرت وزارة الصحة الماليزية مجموعة توصيات بشأن أسلوب طبق الأكل الصحي، فينبغي أن تحتوي معظم الوجبات على الخضار والفاكهة أي نصف الطبق، وتناول الحبوب الكاملة أي ربع الطبق، و بروتين الطاقة أي ربع الطبق. ينصح طبق الأكل الصحي المستهلكين بتناول الطعام بمقداره المطلوب دون تفريط. وهذا الاختراع جميل في الأكل الصحي. وبشكل عام، أن هذا قد ساعد الماليزيين في تحسين وجباتهم الغذائية ونشر الوعي عن عادات الأكل الصحية.

ما هو طبق الأكل الصحي؟ هو طبق ينقسم إلى ثلاثة أقسام غير متساوية بحيث كل قسم يعبر عن إحدى المجموعات الغذائية. ومجموعة الخضروات والفواكه تمثل نصف الطبق، والنصف الآخر يمثل مجموعة الحبوب والبروتينات. ومن المهم حقا أن نجعل طبقنا اليومي غني بالخضروات والفواكه المتنوعة. الفواكه والخضروات تعطينا الفيتامينات والمعادن والألياف والسكريات الطبيعية. وتذكر بأن أكل الفواكه أفضل من شربها كعصير لاحتواء الفاكهة على ألياف ومضادات أكسدة تساعد على سهولة مرور الطعام والتخلص من الكوليسترول. وعلينا أيضا أن نختار السمك والدجاج والبط والمأكولات البحرية والبيض. فكل هذه الأطعمة تحتوي على الحديد والبروتينات التي تجعلنا قويا وتساعد على إشفاء جسمنا عندما يصيبنا أذى. وتحتوي مجموعة الحبوب على كل شيء مصنوع من الأرز أو القمح أو الذرة أو الشعير. تسمى هذه الأطعمة "أساسية" لأنها تؤكل كل يوم. وهي تحتوي على الكربوهيدرات التي هي المصدر الرئيسي للطاقة. وأخيرا، علينا أن نشرب الماء وكوب من الحليب يوميا ونقلل من العصير والمشروبات السكرية.

فمن المعلوم أن الطعام الصحي سيحسن الصحة الجسدية والعقلية والمعنوية والعاطفية. وهذه الأمور كلها تستحق التضحية من عند أنفسنا. ولقد حان وقت التغيير لتناول الطعام بشكل صحي. قم بالتغييرات ولكن بالتدرج! من الصعب أن نترك الحياة السهلة بالوجبات السريعة لأنها من أكثر الأنماط الغذائية المنتشرة في الوقت الحاضر خصوصا في زمان انتشار المطاعم المختلفة. فيمكننا تناولها ولكن باعتدال. وخلاصة القول، أيها الماليزيون هيا نعطي جسمنا طعام مفيد وصحي وسنحصل على خلايا صحية وتعطينا صحة جيدة و عمر طويل. ولا نعطي جسمنا طعام شرير وسنحصل على خلايا شريرة وتعطينا مشاكل صحية عاجلا أم آجلا.

1. وزارة الصحة، 2019. أهمية الغذاء وتنوعه - المجموعات الغذائية - البطاقة الغذائية-الطبق الصحي، أسلوب حياة صحي، المملكة العربية السعودية. الرابط:

<https://www.moh.gov.sa/awarenessplatform/HealthyLifestyle/Pages/HealthyEatingHabits.aspx>

2. منظمة الأغذية والزراعة للأمم المتحدة 2019، كتاب الأنشطة - النظم الغذائية الصحية، روما، الرخص: IGO 0.3 SA-NC-BY C. الرابط:

<http://www.fao.org/3/ca4694ar/ca4694ar.pdf>

3.

<https://www.ppukm.ukm.my/dietetik/diet-penurunan-badan/>

Sekalung Tahniah

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Jabatan Perdana Menteri



En. Muhamad Fadhi bin Ahmat



En. Mohd Hassanuddin bin
Mohd Sulaiman

Sijil Penghargaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)



En. Abg Zainal Abidin bin Abg
Ariffin



Pn. Suzimawati binti Ramai-No



En. Muhd Asyraaf bin Abdullah

Pegawai Yang Berpindah



Cik Nur Ellyana binti Razali

Tahniah diucapkan dan selamat menjalankan tugas di tempat baharu.

Jom Masuk IKMAS JAKIM

SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas dan sihat mental dan fizikal.
2. Bukan warganegara (Antarabangsa) yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan LIMA (5) kepujian termasuk Bahasa Melayu dan mana-mana satu mata pelajaran Pengajian Islam seperti Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah/ Pengajian Syariah Islamiyyah atau Bahasa Arab.
4. LULUS Bahasa Inggeris dan Matematik.
5. Mempunyai minat belajar, sedia dibimbing serta mematuhi peraturan dan arahan.
6. LULUS ujian temuduga.

SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT

1. Berumur tidak melebihi 21 tahun dan belum berkahwin.
2. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan syarat minimum Gred 'C' dalam mata pelajaran berikut:
 - i. Bahasa Melayu
 - ii. Bahasa Arab
 - iii. Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah
 - iv. LULUS Bahasa Inggeris, dan
 - v. LULUS temudugaAtau
 - vi. Kelulusan yang diiktiraf dan setaraf dengan SPM (Calon Luar Negara)

اينستيتوت كاهيران اسلام مليسيا سراوق

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Peti Surat 2867, Jalan Matang
93050 Kuching, Sarawak
Tel: 082 - 843 477, 475
Faks: 082 - 843 440, 439
E-mel: ikmas@islam.gov.my